



Sumber Liputan: <https://epaper.beritaharian.sg/jr/2021-09-23/1>

# Siri buku ‘Nabil Nabilah’ dilancarkan untuk murid prasekolah



**BAHAN BACAAN MENARIK:** Sebanyak 20 buku ‘Nabil Nabilah’ bagi peringkat prasekolah dilancarkan semalam. Buku-buku itu mengandungi cerita pendek berdasarkan konteks dan budaya tempatan. – Foto MLLPC

---

“Kita menerbitkan siri buku ini dengan tujuan yang komprehensif, bukan sahaja untuk memupuk minat membaca dan kefasihan bertutur dalam bahasa Melayu, tetapi juga untuk menerapkan nilai penting dalam perwatakan murid.”

– Pengerusi Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Dr Mohamad Maliki Osman.

---



► **NUR DHUHA ESOOF**  
[nurdhuha@sph.com.sg](mailto:nurdhuha@sph.com.sg)

SIRI bacaan *Nabil Nabilah* yang sebelum ini dihasilkan untuk murid sekolah rendah kini dilanjutkan ke peringkat prasekolah.

Buku-buku cerita untuk murid tadika satu dan dua itu dilancarkan oleh Menteri Kedua Pendidikan Dr Mohamad Maliki Osman dalam satu majlis yang diadakan secara masyarakat semalam.

Siri itu mengandungi 20 buku cerita yang ditulis oleh sekumpulan guru bahasa Melayu peringkat prasekolah dengan tujuan menggalak cinta membaca dalam kalangan murid dan membangun kemahiran literasi mereka.

Buku-buku itu mengandungi cerita berasaskan konteks dan budaya tempatan dengan judul cerita seperti *Ubi*, *Hang Nadim* dan *Gagak dengan Merak*.

Ia akan diagihkan kepada 487 prasekolah yang menawarkan bahasa Melayu menjelang hujung bulan depan.

Siri buku itu pertama kali dilancarkan pada 2015 untuk murid darjah satu dan dua sebelum dilanjutkan kepada pelajar darjah tiga dan empat pada 2018 dan murid darjah lima dan enam April lalu.

Dr Maliki, yang juga Pengurus Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), berkata beliau yakin buku-buku itu akan membantu kanak-kanak prasekolah melangkah ke sekolah rendah dengan lebih yakin berbekalkan keupayaan bertutur dalam Bahasa Melayu.

“Kita menerbitkan siri buku ini dengan tujuan yang komprehensif, bukan sahaja untuk

memupuk minat membaca dan kefasihan bertutur dalam bahasa Melayu, tetapi juga untuk menerapkan nilai penting dalam perwatakan murid.

“Buku peringkat prasekolah ini ditulis oleh guru-guru prasekolah yang memahami daya keupayaan murid-murid mereka menggunakan konsep kehidupan sehari-hari dan konsep pembelajaran menerusi sejarah,” kata Dr Maliki, dengan memberi contoh penyampaian sejarah Singapura dan pentingnya bekerjasama bagi mempertahankan negara menerusi buku *Hang Nadim*.

Dalam majlis pelancaran semalam, Dr Maliki berpeluang menyaksikan cara bahan *Nabil Nabilah* digunakan dalam bilik darjah prasekolah.

Menggunakan buku berjudul *Ubi*, murid-murid belajar tentang kuih-muih tradisional yang dibuat menggunakan ubi seperti getuk ubi dan kerepek ubi.

Mereka juga belajar tentang kanji yang ada di dalam ubi, melalui eksperimen menggunakan iodin, roti dan nasi.


Murid juga berpeluang melihat pokok ubi di sebuah sekolah rendah berdekatan, di mana mereka ditunjukkan bahawa ubi tumbuh di dalam tanah.

Secara keseluruhan, siri buku *Nabil Nabilah* terdiri daripada 62 buku cerita yang diterbitkan dalam bentuk cetak dan digital.

Bahan bacaan digital itu boleh dimuat turun atau diakses pada bila-bila masa.

Ibu bapa boleh menggunakan kertas kerja berkaitan buku-buku cerita itu yang disediakan di laman MLLPC sebagai bahan tambahan untuk mengukuhkan pembelajaran bahasa Melayu di rumah.

Sumber Rujukan: <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/nabil-nabilah-bagi-murid-tadika-dilancar-mula-diagihkan-ke/4658384.html>



## Nabil Nabilah bagi murid tadika dilancar; mula diagihkan ke prasekolah jelang Okt 2021

22/9/2021 18:15

Oleh:



NUR HAZIMAH ANUAR

A A+

KONGSI ARTIKEL



SINGAPURA: Menteri Kedua Pendidikan dan Penggerusi Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) Dr Mohamed Maliki Osman melancarkan siri buku bahasa Melayu Nabil Nabilah bagi murid Tadika 1 dan 2 secara maya pada Rabu (22 Sep).

Pusat-pusat prasekolah yang menawarkan pembelajaran Bahasa Melayu akan menerima penerbitan terbaru itu menjelang Oktober 2021.

Demikian menurut kenyataan bersama oleh Kementerian Pendidikan (MOE) dan MLLPC hari ini.

Penerbitan terbaru bagi kanak-kanak tadika ini ditulis oleh sekumpulan guru prasekolah Bahasa Melayu yang mengarang kisah-kisah berdasarkan konteks tempatan termasuk aspek-aspek budaya Melayu dan cerita rakyat.

Sebanyak 20 buku cerita dikarang dengan 10 tajuk bagi setiap peringkat tadika.

Secara keseluruhannya, siri buku Nabil Nabilah kini mempunyai 62 buku cerita bagi murid-murid dari peringkat tadika hingga Darjah 6.

Siri buku cerita itu juga disediakan dalam bentuk digital dan boleh diakses online melalui laman [www.mllpc.sg](http://www.mllpc.sg).

Ibu bapa juga memanfaatkan kertas kerja yang disediakan MLLPC online sebagai bahan pembelajaran tambahan dalam usaha mengukuhkan pembelajaran bahasa di rumah.

Siri buku Nabil Nabilah pertama kali diperkenalkan untuk murid Darjah 1 dan 2 pada 2015 untuk menggalak minat membaca di peringkat awal lagi dengan menyediakan bahan bacaan konteks Singapura.

Ita kemudian dilanjutkan kepada murid Darjah 3 dan 4 pada 2018 dengan rancangan untuk diluas guna kepada murid tadika, Darjah 5 dan 6 diumumkan pada 2019.

- BERITAmmediacorp/ha

Sumber Rujukan: <https://www.facebook.com/MalikiOsman>



-Tamat-